Baca catatan harian di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

10 Jun 1997

Aku terpilih menyertai program anak angkat anjuran Kelab Belia di bandar tempat tinggalku. Aku diterima sebagai anak angkat kepada Haji Daud dan Hajah Zainab dari Kampung Ulu Jempul. Rumah mereka sederhana besarnya. Aku diperkenalkan kepada anak-anaknya. Anak ketiga, Salwa, calon SPM. Adiknya bernama Najib, bakal menghadapi PMR dan adik bongsunya Fadila, 12 tahun.

Mereka mencium tanganku ketika bersalaman. Aku rasa amat terharu. Adikku Nadira dan Najwa tidak pernah berbuat begitu kepadaku walaupun aku kakak sulung mereka.

11 Jun 1997

Gerimis Subuh menjadikan hawa amat dingin di pedalaman ini. Kalau di rumah sendiri aku masih dibuai mimpi. Di sini aku sembahyang Subuh secara berjemaah. Haji Daud sebagai imam dan makmum semua ahli keluarganya. Air mataku menitik. Aku, dalam usia 22 tahun belum pernah berjemaah bersama ayah dan ibuku.

12 Jun 1997

Pagi ini hujan lebat. Seharusnya kami menyertai projek gotong-royong. Semua orang berkurung di dalam rumah. Haji Daud menceritakan sejarah dirinya. Rupa-rupanya dialah peneroka kampung itu. Dia meninggalkan kehidupan sebagai nelayan dan mengadu untung sebagai petani pula di kampung itu.

Dia tidak bersekolah tinggi tetapi menyedari pentingnya ilmu. Dia bekerja siang malam untuk menyekolahkan anak-anaknya. Kini dua orang daripada anaknya telah berjaya. Lokman, anak sulungnya menjadi doktor di Hospital Kuala Lumpur dan Juriah, adik Lokman menjadi guru di Pahang. Mereka lepasan universiti.

21 Jun 1997

Hari kelima aku di sini. Hubunganku dengan keluarga Haji Daud, terutamanya dengan anak-anaknya bertambah rapat. Salwa, Najib dan Fadila sudah pandai bergurau. Ini berbeza dengan adik-adikku yang tinggal di rumah batu dua tingkat di bandar. Kami seperti enau di belukar melepaskan pucuk masing-masing.

Di sini hatiku tenteram. Keluargaku terlalu mengejar harta-benda sehingga meracun kemesraan dalam keluarga.

LIVEWORKSHEETS

1. Berikut ialah maklumat yang benar tentang diri 'aku' kecuali

A menetap di bandar
B datang dari keluarga yang kaya
C berusia 22 tahun
D mempunyai tiga orang adik

2. Berapa orangkah anak Haji Daud?

A 3 orang
B 5 orang
C 6 orang
D 7 orang

3. Apakah yang dilakukan oleh 'aku' pada waktu subuh jika dia berada di rumahnya sendiri?

A Sembahyang Subuh
B Masih enak tidur
C Masih berselimut
D Masih dalam bilik

4. 'Mengadu untung' dalam petikan di atas bermaksud

A Haji Daud mencuba nasib di kampung itu
B Haji Daud dan isterinya membuka kampung itu
C Haji Daud mengadu kehidupannya kepada penulis
D Haji Daud mencari rezeki di kampung itu

5. Pada pendapat anda, mengapakah 'aku' berasa tidak bahagia ketika bersama keluarganya?

A Kerana adik-adiknya tidak menghormati dirinya
B Kerana mereka tidak pernah sembahyang berjemaah
C Kerana ahli keluarganya saling mementingkan hal diri
D Kerana ayah dan adiknya sibuk mengejar harta Benda

LIVEWORKSHEETS

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Aku meletakkan beg sekolahku di atas pangkin bawah pokok mangga di depan rumah. **Keringat** masih lagi mengalir di dahi.

Aku perhatikan sekeliling rumahku, tapi kelibat ayah belum kunampak. Mungkin ayah belum pulang lagi dari sawah. Sejak pemergian ibu setahun yang lalu, kerja ayah menjadi dua kali ganda. Anak padi sudah besar, tiada siapa yang akan mencabutnya untuk dipindahkan ke petak sawah.

"Din, baru balik?" tiba-tiba sahaja suara ayah mengejutkan aku dari arah belakang.

"Maafkan ayah, Din. Ayah belum masak lagi," kata ayah sambil menunjukkan dua ekor ikan keli di tangannya.

"Tak apalah, ayah. Ayah pergilah mandi dulu, biar saya masak," kataku sambil membawa ikan keli itu menuju ke pintu dapur.

Lepas sembahyang Zuhur nanti tugasku bermula. Tinggal dua petak sawah lagi yang belum kubajak. Lepas itu, bolehlah aku mengambil upah membajak sawah Pak Megat, Pak Talib dan Pak Said. Itulah punca pendapatan sampingan aku bersama dengan jentera kubota berenjin diesel.

Pernah suatu hari aku suarakan cadangan supaya ayah mencari pengganti ibu, namun aku ditengkingnya. Bagi ayah, tiada sesiapa yang dapat menggantikan tempat ibu.

Aku bertekad untuk meneruskan cita-citaku untuk menjadi seorang peguam seperti yang telah aku katakan pada ibu. Ibu…

1. Perkataan '**keringat**' dalam petikan di atas bermaksud

A tahi lalat

B darah

C peluh

D jerawat

LIVEWORKSHEETS

2. Apakah pekerjaan ayah penulis?

A Pesawah

B Pekebun sayur

C Pembajak sawah

D Penoreh getah

3. Apakah punca pendapatan sampingan keluarga penulis?

A Hasil jualan kuih

B Hasil jualan buah mangga

C Hasil jualan padi

D Hasil upah membajak sawah

4. Berikut ialah sikap yang ada pada diri ayah penulis, **kecuali**

A Penyayang

B Bertanggungjawab

C Penyabar

D Suka menengking

5. Berikut ialah pengajaran yang boleh didapati daripada petikan di atas, **kecuali**

A Kita mestilah bersabar menghadapi dugaan.

B Kita hendaklah sentiasa menolong ibu bapa kita.

C Kita hendaklah bekerja sambil bersekolah.

D Kita hendaklah mempunyai cita-cita yang tinggi.

LIVEWORKSHEETS